



Headline: Wang persaraan RM20,000 lesap diperdaya scammer Language: Malay  
scammer

Publication/Portal: Kosmo

Section: Negara

Date: 22 June 2022

Page: 16

## Wang persaraan RM20,000 lesap diperdaya scammer

**TELUK INTAN** – Seorang lelaki warga emas terpaksa berputih mata apabila wang persaraan berjumlah RM20,000 lesap selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang mendakwa dia terlibat dalam kes pengubahan wang haram.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Ahmad Adnan Basri berkata, kejadian itu bermula selepas mangsa berusia 76 tahun itu dihubungi individu tidak dikenali mendakwa pekerja Pos Malaysia Kuala Lumpur, Selasa lalu.

Ujarnya, suspek memberitahu terdapat bungkusan bagi penghantaran ke Sabah atas nama mangsa yang berisi sekeping kad pengenalan kononnya milik mangsa dan lima keping kad ATM, namun ia telah dinafikan warga emas itu.

“Panggilan itu kemudian disambungkan ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah untuk dibuat laporan polis dan sekali lagi mangsa ditegaskan terlibat pengubahan wang haram.

“Menurut beliau, tertipu



**AHMAD ADNAN**

dengan dakwaan itu dan bimbang akaun banknya akan dibekukan Bank Negara, mangsa telah membuat pindahan RM20,000 ke akaun bank yang diberikan suspek.

Katanya, setelah pindahan wang dibuat, mangsa telah menghubungi semula suspek, namun tiada sebarang jawapan sebelum dia tampil membuat laporan di Balai Polis Teluk Intan selepas menyedari ditipu.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.